



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK,
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273
portal : <http://jpnperak.moe.gov.my>



“1 MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Ruj. Kami : J. Pend.Pk.(AM)4072/64Jld.8(74)

Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Negeri Perak

Tarikh : **16** Disember 2016
Rabiulawal 1438H

Semua Pengetua dan Guru Besar,
Sekolah Menengah dan Rendah
Negeri Perak

Tuan / Puan,

**PENGUMPULAN CUTI REHAT YANG TIDAK DAPAT DIHABISKAN TAHUN 2016
DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 2003, BIL. 5 TAHUN 2004 DAN
BIL. 3 TAHUN 2005**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai yang tidak dapat menghabiskan Cuti Rehat demi kepentingan perkhidmatan, hendaklah mengemukakan permohonan untuk membawa ke hadapan dan mengumpulkannya bagi faedah Pemberian Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) dengan menggunakan borang Lampiran A dan Lampiran A1 (Contoh I dan II) dalam 3 salinan kepada Pihak Berkuasa Melulus masing-masing **pada atau sebelum 28 Februari 2017** untuk disemak dan diluluskan. Pihak Berkuasa masing-masing merujuk kepada:

- 2.1 Semua Sekolah Menengah Harian di Unit Perjawatan dan Perkhidmatan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak (mengikut zon masing-masing),
- 2.2 Semua Sekolah Rendah di Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing, dan
- 2.3 Semua sekolah PTJ di sekolah masing-masing.

3. Sehubungan dengan itu, semua permohonan yang telah disempurnakan hendaklah dikemukakan beserta dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- 3.1. Sesalanan Kad Cuti tahun 2016 yang teratur dan kemaskini;
- 3.2. Kelulusan Pengumpulan Cuti Rehat tahun 2015;
- 3.3. Sesalanan Penyata Perubahan (Kew.8) lantikan sebagai Pengetua/ Guru Besar / Lantikan Pertama (pegawai lantikan baru tahun 2016)

4. Tuan/Puan juga dipohon untuk mengemukakan satu (1) salinan Lampiran A dan A1 (contoh III dan IV) Pengumpulan Cuti Rehat Khas tahun 2016 bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah diluluskan oleh Ketua Jabatan beserta sesalanan Kad Cuti 2016 kepada Pihak Berkuasa Melulus masing-masing untuk direkodkan ke dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(**MEOR SHAHIBUL FADILAH BIN ZAINUDDIN**)
Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

“CINTAILAH BAHASA KITA”
(Sila catatkan rujukan pejabat ini apabila berhubung)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4166